

06/05/2003

Dr Mahathir lawat Sabah 16 Mei

KOTA KINABALU: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan merasmikan upacara pecah tanah projek tapak bangunan Ibu Pejabat Umno Sabah di Karamuning, di sini, pada 16 Mei ini.

Ketua Penerangan Umno Negeri, Datuk Abdul Rahim Ismail, berkata Dr Mahathir yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK) pada 15 Mei.

Katanya, lebih 10,000 pemimpin dan ahli Umno termasuk pemimpin veteran dijangka hadir pada upacara pecah tanah itu.